

Kebersihan bantu elak penyakit kencing tikus

Jangkitan kencing tikus atau nama saintifiknya leptospirosis adalah penyakit berjangkit yang boleh membawa kematian. Penyakit ini boleh berjangkit daripada haiwan kepada manusia apabila air yang dicemari kencing haiwan menyentuh bukan kulit, mata atau selaput lendir. Penyakit ini juga boleh dijangkiti melalui hubungan dengan air, makanan atau tanah yang mengandungi kencing haiwan dijangkiti dan mungkin berlaku dengan menelan makanan atau air yang dicemari.

Laporan BH 21 Mei 2013 mencatatkan tiga kematian dilaporkan sepanjang lima bulan pertama tahun ini. Sebanyak 267 kes jangkitan virus ini direkodkan dengan enam kes kematian pada tahun lalu.

Daripada kes ini, kebanyakan mangsa adalah lelaki yang majoritinya remaja dengan nisbah mangsa membabitkan empat kes lelaki bersamaan satu kes perempuan. Kematian akibat jangkitan itu kebiasaannya disebabkan pesakit lambat mendapatkan rawatan kerana mangsa mungkin menganggap demam yang dihadapi sebagai sakit biasa.

Banyak kes di kawasan rekreasi

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Ismail Abu Taat, mengakui kebanyakan kes berlaku di kawasan rekreasi atau pusat perkelahan yang mempunyai air terjun.

Kebiasaannya, kencing tikus



Kebanyakan kes berlaku di kawasan rekreasi atau pusat perkelahan yang mempunyai air terjun.

[FOTO HIASAN]

yang terbiar di tempat kering akan menyebabkan kuman cecair itu mati, tetapi jika haiwan berkenaan membuang air kumbahan di kawasan berair seperti di air terjun, kuman akan merebak. Sekiranya air dijangkiti itu mengenai luka terdedah, ia boleh mengakibatkan jangkitan virus.

Justeru, pihak pengurusan

kawasan rekreasi perlu memastikan kebersihan di kawasan tersebut dengan menyediakan tempat membuang sampah yang bertutup dan secukupnya. Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar Majlis Daerah di sesebuah daerah perlu membuat pemantauan sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi memastikan

kebersihan di pusat rekreasi. Denda yang sewajarnya juga harus dikenakan kepada pusat rekreasi yang tidak bersih bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini.

Nor Syazwani Nadzirah Mohd Sulur,
Universiti Sains Islam Malaysia